



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

29 Februari 2024

KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen Tindakan Susulan Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) Bagi Syor-syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bagi Tempoh Oktober 2022 Hingga Mei 2023 dan Bagi Tempoh Jun Hingga September 2023.**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil MINDEF terhadap syor-syor PAC Parlimen dalam 2 laporan PAC berkaitan LCS iaitu DR.6/2023 yang dibentangkan di Parlimen pada 9 Oktober 2023 dan DR.13/2023 yang dibentangkan di Parlimen pada 14 November 2023.
3. Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada tindakan susulan berkenaan. Bagi Laporan PAC DR.6/2023 terdapat 6 syor PAC. Manakala, Laporan PAC DR.13/2023 terdapat 5 syor Jawatankuasa ini.
4. PAC telah mengadakan prosiding tindakan susulan MINDEF pada 24 Januari 2024 dan saksi yang hadir adalah **Dato' Seri Isham bin Ishak**, Ketua Setiausaha MINDEF dan **Kepten (B) Ir. Azhar Jumaat**, Ketua Pegawai Eksekutif Boustead Naval Shipyard (BNS).

5. Dalam prosiding tindakan susulan, PAC dimaklumkan bahawa isu *detailed design* masih gagal dimuktamadkan oleh Kementerian dengan pihak Naval Group Perancis.
6. Kebimbangan utama PAC adalah pembinaan kapal LCS terus lewat dan MINDEF memaklumkan setakat Disember 2023, projek ini telah lewat sebanyak 86 hari dengan mencapai 67.28% berbanding Jadual Garis Masa Baharu yang telah ditetapkan MINDEF iaitu 68.77%.
7. PAC juga ingin memaklumkan bahawa dengan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine Bhd. milik Menteri Kewangan Diperbadankan pada 18 Ogos 2023, kontraktor BNS sebelum ini milik Boustead Heavy Industries Corporation Bhd. ditukar nama ke Lumut Naval Shipyard (LUNAS).
8. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan dan ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Prosiding Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)

9. Saya juga ingin memaklumkan bahawa PAC telah memulakan prosiding berhubung Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) di bawah Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia pada 26 Februari 2024.
10. Isu ini tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan untuk prosiding ini, PAC menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (d), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR), PM 83(2) PPMMDR, Arahan Perbendaharaan (Pindaan

2023) 301 dan Seksyen III Perkara 11 (b) Pekeliling Am No.2 Tahun 1982 Organisasi Kementerian-kementerian.

11. Ini adalah kali kedua, PAC Parlimen ke-15 mengadakan prosiding yang tidak dilaporkan dalam LKAN selain prosiding Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corporation (HRD Corp) yang sedang berlangsung sejak 23 Oktober 2023 turut menggunakan punca kuasa yang sama.
12. Prosiding Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp ini telah diadakan sebanyak 7 kali membabitkan saksi terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia, mantan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp, Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp, Ketua Eksekutif HRD Corp dan mantan Ketua Eksekutif HRD Corp.
13. Untuk prosiding MLFF pula, saksi yang telah dipanggil untuk prosiding pertama pada 26 Februari 2024 adalah:
 - i. **YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah**, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kerja Raya (KKR);
 - ii. **YBhg. Dato' Sazali bin Harun**, Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM); dan
 - iii. **YBrs. Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari**, Ketua Pasukan Petugas Khas MLFF, LLM.

14. PAC akan menyambung prosiding Pelaksanaan Projek MLFF dengan mengadakan 3 prosiding yang berasingan untuk isu ini pada 25 Mac 2024 dengan memanggil saksi seperti berikut:

- i. **YBhg. Datuk Zakaria bin Ahmad Zabidi**, Presiden Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia;
- ii. **YBhg. Dato' Sri Azmi Abdul Aziz**, Pengarah Projek Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.;
- iii. **YBrs. Encik Zaharin bin Hamzah**, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.; dan
- iv. **YBhg. Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar**, Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen